

13/11/1999

Parti lawan masih gagal agih kerusi

SEREMBAN, Jumaat - Pakatan parti pembangkang masih gagal mencapai kata sepakat mengenai pengagihan kerusi bagi setiap parti untuk menghadapi pilihan raya umum ke-10, pada 29 November ini.

Mesyuarat yang dihadiri pemimpin kanan Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) di Kuala Lumpur semalam, belum dapat membuat sebarang keputusan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, ketika ditemui selepas berceramah di Sikamat dekat sini malam tadi, berkata mesyuarat itu perlu disambung hari ini.

Beliau menjangkakan isu itu hanya dapat diselesaikan sebelum hari penamaan calon.

Kegagalan pakatan parti pembangkang mencapai persetujuan menimbulkan persoalan kerana perbincangan mengenai pengagihan kerusi dilakukan sejak pertengahan tahun ini.

Pakatan parti pembangkang dikatakan mahu menggunakan formula sama rata 48:48:48 iaitu di kalangan Pas, Keadilan dan DAP. Parti Rakyat Malaysia (PRM) pula berkongsi kerusi dengan DAP.

Bagaimanapun, berdasarkan jumlah majoriti pengundi Cina, seorang pemimpin kanan Pas mengeluarkan kenyataan bahawa DAP sepatutnya hanya diperuntukkan 30 kerusi.

Sebaliknya, Pas wajar diberi lebih banyak kerusi sejajar kedudukan sebagai parti pembangkang utama.

Fadzil berkata, formula sama rata itu akan digunakan dengan sedikit perubahan, iaitu dengan mengambil kira kesesuaian sesuatu kawasan dengan semua parti.

Selain itu, katanya, setiap parti dalam pakatan pembangkang akan menggunakan simbol parti masing-masing.

"Kita kesuntukan masa untuk mencipta simbol yang sama. Kalau pakai simbol baru, nanti orang ramai tidak sempat hendak mengenali simbol itu," katanya.

Walaupun belum mencapai persefahaman mutlak, Fadzil mendakwa persefahaman di kalangan parti pembangkang baik, malah Pas tidak hanya menumpukan kawasan majoriti pengundi Melayu.

Bagaimanapun, beliau mengakui faktor pengundi Melayu adalah asas untuk parti itu bertanding di sesuatu kawasan.

"Oleh kerana Pas sudah membentuk persefahaman, semua kaum yang menyokong perubahan boleh mengundi mana-mana parti dalam kerjasama itu," katanya.

Sementara itu, katanya, Pas belum membuat keputusan mengenai calon yang bakal bertanding menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

"Tunggulah nanti pada hari penamaan calon. Biar suspens," katanya ketika diminta mengulas kenyataan anggota Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Harun Din yang beliau mungkin bertanding menentang Perdana Menteri.

Fadzil berkata, Pas juga membuat keputusan untuk mendesak supaya parti pembangkang diberi peluang menyampaikan mesej kepada rakyat melalui televisyen dan radio.

"Tempoh masa dalam radio adalah berdasarkan nisbah calon bertanding, tetapi kali ini parti pembangkang bertanding di semua kawasan. Oleh itu, tempoh masa perlu adil, sama seperti BN, Kalau BN dapat setengah jam, kita pun sama juga," katanya.

Terdahulu ketika berceramah, katanya, projek empangan Bakun adalah

projek mega pertama yang akan dibatalkan jika pakatan parti pembangkang berjaya memerintah.

Beliau berkata, projek lain yang akan dibatalkan ialah lebuhraya pesisiran Pantai Barat dan projek lebuhraya menghubungkan Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit Fraser.

(END)